

05/07/2002

Dasar negeri, Pusat perlu seiring: PM

PUTRAJAYA, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan kerajaan negeri supaya tidak mengamalkan dasar yang bercanggah dengan keputusan Kerajaan Pusat.

Peringatan itu disampaikan Perdana Menteri ketika mempengerusikan mesyuarat Menteri-Menteri Besar dan Ketua Menteri di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, mesyuarat itu diadakan bagi menyampaikan keputusan Kabinet yang mempunyai kaitan dengan kerajaan negeri berikutan ada amalan kerajaan negeri didapati bercanggah dengan Kerajaan Pusat.

"Umpamanya, baru-baru ini timbul soal hypermarket (pasar raya besar) yang terlalu banyak, kadang-kadang kita tidak benarkannya dalam Wilayah (Persekutuan), dibenarkan di Selangor.

"Kerajaan negeri tidak seharusnya menambah syarat-syarat pelabur yang telah diluluskan Kerajaan Pusat," kata Dr Mahathir sambil menambah perkara seperti itu akan menyebabkan masalah.

Perdana Menteri juga dipetik Bernama sebagai berkata, semua menteri besar perlu memantau pelaksanaan segala keputusan dan tidak hanya membuat keputusan serta memberi arahan kepada pegawai mereka.

"Kita nak amalan Kerajaan Pusat dicontohi iaitu menteri mestilah bekerja secara "hands on" iaitu tidak saja membuat keputusan dan memberi arahan kepada pegawai tetapi perlu memantau pelaksanaan segala keputusan yang dibuat pada peringkat Exco misalnya," katanya.

Beliau berkata, semua pihak juga perlu bekerja lebih kuat kerana negara sedang menghadapi persaingan hebat dari negara jiran dan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

"Kita perlu tingkatan keupayaan pengurusan termasuk berkenaan dengan segala perjanjian, seperti kontrak yang mana kita dapati apabila perjanjian dibuat, syaratnya tidak mencukupi," katanya.

Beliau berkata, ini kerana jika terjadi sesuatu sehingga menyebabkan perjanjian perlu ditamatkan dan peruntukan untuk menamatkan perjanjian tidak mencukupi, masalah akan timbul untuk menamatkan perjanjian itu.

Mesyuarat hari ini antara lain juga membincangkan mengenai alam sekitar dan pengindahan negara.